

**LAMPIRAN SYARAT UNTUK PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA PREMIS  
PERNIAGAAN BERSKALA KECIL (PROGRAM SEJAHTERA PENIAGA)**

1. Memperbaharui permit bangunan dan lesen peniagaan setiap tahun kepada MBSP pada bulan Disember.
2. Memohon lesen peniagaan secara atas talian (online) talian (Sistem Pengurusan Lesen Interaktif & Bersepadu) - <https://speedbiz.mbsp.gov.my> atau menggunakan Kod QR di bawah :-



3. Nombor patil yang akan dikeluarkan ialah jenis *Permit Sementara (PMS)*, Nombor Patil hanya terpakai kepada bangunan yang diluluskan sahaja dan tidak boleh dipindah ke bangunan lain.
4. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas binaan dan struktur yang bina terutamanya dari segi kekukuhan dan kestabilannya.
5. Bertanggungjawab terhadap keselamatan struktur berdekatan serta membaiki segala kerosakan termasuk infrastruktur sekiranya ada semasa atau selepas pembinaan / peruntuhan binaan
6. Memastikan tapak permohonan berada dalam keadaan baik dan ianya mestilah sekurang-kurangnya di letak dengan “*crusher run*” serta mempunyai akses ke jalan utama
7. Pemohon hendaklah membina sistem peparitan di sekeliling kawasan perniagaan dan mengadakan tempat pembersihan pasir sebelum masuk ke kawasan awam.
8. Lubang limbahan dan perangkap minyak hendaklah disediakan sebelum air dilepaskan ke dalam parit awam.
9. Menyediakan sistem rawatan air basuhan yang mungkin mempunyai bahan kimia sebelum disalurkan ke parit.
10. Pemohon perlu mengawal selia premis dan kawasan perniagaan agar tidak menyebabkan sebarang kacau ganggu termasuk menyelesaikan isu berbangkit tanpa melibatkan MBSP.
11. Aktiviti perniagaan tidak akan diubah atau ditambah tanpa kebenaran MBSP
12. Tidak menjalankan sebarang aktiviti yang menyalahi syarat lesen yang dikeluarkan oleh MBSP

No Fail

13. Lesen perniagaan boleh dibatalkan sekiranya engkar dalam pematuhan syarat sediada dan syarat MBSP.
14. Menyediakan tong sampah yang bersesuaian (240 Liter) atau mengikut arahan MBSP dari masa ke semasa (Sila hubungi Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP)
15. Bagi kawasan yang menerima perkhidmatan pemungutan sampah oleh MBSP akan dikenakan bayaran dan dilarang melupuskan sampah ke dalam tong komunal MBSP manakala bagi kawasan yang tidak menerima perkhidmatan pemungutan sampah oleh MBSP.
16. Sampah mestilah dimasukkan ke dalam plastik, diikat kemas dan dilupuskan sendiri ke tong komunal MBSP (tertakluk kepada syarat dan arahan masa ke semasa MBSP)
17. Bersetuju bahawa pihak MBSP tidak akan bertanggungjawab di atas urusan penyediaan kemudahan lampu jalan, penyelenggaraan jalan masuk, penyelenggaraan sistem peparitan, kutipan sampah serta perkara lain yang berkaitan dengan MBSP
18. Tidak akan mensabitkan MBSP dengan sebarang tuntutan atau pertikaian sekiranya bangunan atau premis perniagaan terlibat dengan pengambilan tanah atau dikenakan tindakan undang-undang oleh agensi kerajaan / swasta / persendirian akibat daripada pemberian kelulusan permit berskala kecil bangunan perniagaan ini dan juga pemberian lesen perniagaan
19. Meruntuhkan sendiri binaan selepas tamat tempoh permit ataupun permit dibatalkan oleh MBSP serta memulihkan keadaan tanah seperti keadaan asal dan memastikan bahan dan sisa binaan tidak mengganggu laluan awam dan menjaga kebersihandi sekitar tapak
20. Memastikan pembersihan tapak daripada sisa binaan dan sisa binaan dibuang di tempat pelupusan sampah MBSP bagi aktiviti peruntuhan binaan
21. Tidak akan melibatkan MBSP dengan sebarang tuntutan gantirugi akibat daripada pengambilan tanah / bangunan oleh pihak kerajaan ataupun lain – lain agensi , atau terlibat dengan apa-apa tindakan penguatkuasaan.
22. Pihak MBSP berhak untuk tidak memperbaharui permit sementara sekiranya pemohon, sekiranya terdapat kegagalan mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan.
23. MBSP berhak untuk menambah atau meminda syarat dan tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau pemohon tidak boleh menuntut sebarang gantirugu kepada MBSP akibat daripada kelulusan yang diberi atau perubahan apa-apa syarat.
24. Syarat - syarat tambahan sekiranya perlu :-

## **SYARAT TAMBAHAN SEKIRANYA MELIBATKAN PERMOHONAN BAGI BANGUNAN BARU**

1. Bersetuju memastikan pembinaan hendaklah mematuhi pelan lakar yang diluluskan tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986.
2. Memastikan Pelekat Tanda Pembinaan dipaparkan sepanjang pembinaan dijalankan.
3. Memastikan kebersihan kawasan tempat bekerja / rumah pekerja hendaklah teratur dan disediakan dengan kemudahan tandas yang sempurna.
4. Menjaga kebersihan kawasan kerja-kerja pembinaan dan memastikan bahan / sisa binaan tidak mengganggu jiran, lalulintas serta persekitaran. Semua bahan / sisa binaan hendaklah diletak dalam lot berkenaan sahaja dan dilarang letak di luar lot / di tepi jalan kecuali menggunakan tong roro. Majlis berhak mengarahkan penggunaan tong roro sekiranya gagal menjaga kebersihan seperti yang disyaratkan.
5. Sisa pembinaan hendaklah dilupuskan di tapak yang dibenarkan oleh Majlis dan dibuang mengikut 'Environmental Quality Regulation' (Schedule Waste 1989). Pemohon dikehendaki berhubung terus dengan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran untuk tujuan tersebut.
6. Kerja-kerja cerucuk atau binaan dihadkan dari jam 8:00 pagi - 6:00 petang. Kerja-kerja pembinaan tidak dibenarkan pada hari Ahad dan cuti umum.
7. Pemaju / kontraktor hendaklah melakukan pelupusan sisa melalui kaedah pengasingan sisa dipunca atau kitar semula. Pembakaran terbuka di tapak pembinaan adalah dilarang sama sekali.(Jika berkaitan)
8. Pihak Pemohon hendaklah menggunakan produk peranti penjimatan air (WSD) yang mematuhi standard dan spesifikasi yang ditetapkan oleh PBAPP di dalam *PBAPP Specification For Water Efficient Products*.
9. Pemohon hendaklah membina peparitan di sekeliling kawasan perniagaan dan mengadakan tempat pembersihan pasir sebelum masuk ke kawasan awam.
10. Lubang limbahan dan perangkap minyak hendaklah disediakan sebelum air dilepaskan ke dalam parit awam.
11. Menyediakan sistem rawatan air basuhan yang mungkin mempunyai bahan kimia sebelum disalurkan ke parit.
12. Pemohon perlu mengawal selia premis dan kawasan perniagaan agar tidak menyebabkan sebarang kacau ganggu termasuk menyelesaikan isu berbangkit tanpa melibatkan MBSP.
13. Majlis berhak mengarahkan pihak tuan berhenti kerja serta-merta sekiranya didapati pihak tuan gagal mengambil langkah mematuhi syarat-syarat tersebut.
14. Permit ini akan terbatal sekiranya terdapat pembinaan ditapak yang tidak mematuhi Pelan lakar diluluskan.
15. Sebarang penambahan atau pindaan perlu mengemukakan permohonan yang baharu untuk pertimbangan.